

Kesan Persepsi Risiko dan Motivasi Melancong Terhadap Gelagat Pelancong Tempatan Semasa Pandemik COVID-19

*(The Effect of Risk Perception and Travel Motivation on Domestic Tourists' Behaviour During
the COVID-19 Pandemic)*

Riayati Ahmad

Universiti Kebangsaan Malaysia

Azulail Azra Samsuddin

Universiti Kebangsaan Malaysia

Norlida Hanim Mohd Salleh

Universiti Kebangsaan Malaysia

Suhaili Alma'amun

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesan persepsi tentang risiko dan motivasi melancong terhadap niat untuk melancong di dalam negara semasa pandemik COVID-19. Dengan menggunakan Teori Gelagat Terancang (TPB) lanjutan, kajian ini memberi fokus kepada gelagat pelancong tempatan berdasarkan maklum balas daripada 407 responden di Malaysia. Data telah dikumpulkan melalui soal selidik yang dijalankan dalam talian yang terdiri daripada enam konstruk utama. Data ini telah dianalisis dengan menggunakan teknik analisis faktor konfirmatori dan analisis jalur. Penemuan kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang risiko mempunyai hubungan tidak langsung dengan niat untuk melancong melalui perantara sikap terhadap tingkah laku. Konstruk utama TPB, iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku pula menunjukkan hubungan positif yang ketara dengan niat untuk melancong. Manakala, motivasi pelancongan tidak memberi kesan kepada hubungan antara persepsi tentang risiko dan niat untuk melancong. Kajian ini memberi sumbangan dalam merangka pelan tindakan dan pembangunan langkah keselamatan yang berkesan dalam sektor pelancongan.

Kata kunci: Pelancongan; COVID-19; persepsi risiko; motivasi melancong; teori gelagat terancang
JEL: L83; D12

ABSTRACT

This study aims to examine the effect of risk perception and travel motivation on the behavioural intention to travel during the COVID-19 pandemic. Using the extended Theory of Planned Behaviour (TPB), the study focuses on the behaviour of domestic travel based on 407 responses collected in Malaysia. The data was collected through an online questionnaire consisting of six main constructs. The data was analysed using Confirmatory Factor Analysis and path analysis techniques. The results show that the perception of risk has an indirect relationship with behavioural intention to travel, which is mediated by attitude towards behaviour. The main TFB constructs of attitude towards behaviour, subjective norms and perceived behavioural control were found to have positively significant relationships with behavioural intention. It was also found that travel motivation does not moderate the relationship between risk perception and behavioural intention. The study contributes to the effective design of plans of actions and the development of safety measures in the tourism sector.

Keywords: Tourism; COVID-19; risk perception; travel motivation; theory of planned behaviour

Received 25 May 2021; Revised 03 September 2021; Accepted 10 September 2021; Available online 05 October 2021



This article is published under the Creative Commons Attribution 4.0 International (CC BY 4.0) license.


PENGENALAN

Industri pelancongan di Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan hampir pada setiap tahun. Rajah 1 jelas memperlihatkan prestasi industri ini yang merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan ekonomi Malaysia. Sumbangan ini bagaimanapun hanya mengambilkira sumbangan atau pendapatan daripada pelancong antarabangsa sahaja dari tahun 1974 – 2019. Secara keseluruhan, aliran ketibaan pelancong antarabangsa yang semakin meningkat ini disokong oleh pelbagai strategi, penggalakan oleh pihak kerajaan dan pihak berkepentingan lain. Mulai awal tahun 1990an perkembangan industri pelancongan terus memberangsang dengan adanya beberapa Siri Tahun Melawat Malaysia (TMM) seperti TMM1990, TMM1994, TMM2007 dan TMM2014. Dengan pelbagai sokongan ini, industri pelancongan Malaysia berjaya mencatat pertumbuhan melebihi 6% setahun iaitu lebih tinggi daripada purata pertumbuhan industri pelancongan global. Secara terperinci pada tahun 1974 hanya sejumlah 1.2 juta ketibaan pelancong antarabangsa dicatatkan dan jumlah ketibaan ini meningkat kepada 26.1 juta pada tahun 2019. Dari segi pendapatan pula, pada 1974, pendapatan yang berjaya dijana adalah sejumlah RM0.35 billion meningkat kepada RM86.140 billion pada 2019. Hal ini jelas menunjukkan bahawa industri pelancongan di Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, Kementerian Pelancongan,

Seni dan Budaya (MOTAC) telah melancarkan sekali lagi kempen Melawat Malaysia 2020 bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia khususnya dari pasaran negara China. Sasaran MOTAC bagi tahun 2020 ialah ketibaan pelancong asing sehingga 30 juta orang dan pendapatan pelancongan sebanyak RM 100 bilion sempena kempen ini.

Namun, penularan wabak COVID-19 pada awal tahun 2020 telah menjejaskan pertumbuhan sektor pelancongan global termasuk Malaysia. Organisasi Pelancongan Dunia PBB (UNWTO) menganggarkan ketibaan pelancong antarabangsa pada tahun 2020 menurun sebanyak 20 hingga 30 peratus berbanding pada tahun 2019 (Gössling et al. 2020). Penguncupan dalam sektor pelancongan di Malaysia juga sangat ketara. Pada tempoh setengah tahun 2020, pendapatan pelancongan yang diraih hanyalah RM 12.5 bilion berbanding RM 41.6 bilion pada tempoh yang sama bagi tahun 2019 dengan ketibaan pelancong seramai 4.25 juta orang sahaja berbanding 13 juta orang pada tempoh setengah tahun 2019 ekoran pengumuman pembatalan kempen Melawat Malaysia 2020 pada 18 Mac 2020, sejurus selepas kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (MOTAC 2020). Melihat kepada situasi ini, sasaran MOTAC pada tahun 2020 adalah mustahil untuk dicapai.

Pelbagai langkah diambil oleh pihak kerajaan bagi merencanakan semula industri pelancongan negara. Antaranya, kerajaan melancarkan Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030 bagi menjamin kelangsungan



RAJAH 1. Ketibaan dan pendapatan pelancong antarabangsa ke Malaysia 1974-2019

industri pelancongan serta menjadikan Malaysia kembali sebagai destinasi pelancongan terpilih utama di peringkat global. Kerajaan turut melaksanakan pakej rangsangan ekonomi dengan tujuan mengembalikan keyakinan masyarakat untuk melancong di dalam negara dan menyemarakkan pelancongan domestik. Pelbagai insentif disediakan khusus untuk sektor pelancongan termasuk galakan penawaran diskaun oleh pengendali hotel kepada pelancong tempatan. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan kerjasama yang tinggi daripada pelancong tempatan dalam usaha menyokong semua strategi yang telah dirancang oleh kerajaan.

Cabaran yang besar dalam industri pelancongan kini adalah memahami gelagat pelancong akibat daripada penularan virus COVID-19 (Mair et al. 2016). Terdapat sebilangan kajian dalam pelancongan, psikologi sosial dan gelagat pengguna yang menyatakan bahawa mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat atau gelagat pelancong memberikan gambaran yang jelas tentang proses pembuatan keputusan oleh pelancong terhadap sesuatu destinasi, produk, perkhidmatan atau jenama pilihan mereka (Ajzen 2001; Hegner 2017; Lam & Hsu 2004; Kim & Hwang 2020). Di samping itu, pengguna atau pelancong juga menitikberatkan aspek keselamatan kerana ia adalah antara komponen yang paling penting dalam kehidupan manusia (Maslow 1943). Pelancong akan memilih tempat pelancongan yang menawarkan jaminan keselamatan yang mereka harapkan supaya mereka berasa lebih selamat untuk menginap di tempat tersebut (Yousaf et al. 2018). Selain itu, mereka akan menilai risiko-risiko yang dirasakan berkaitan dengan sesuatu produk atau perkhidmatan sebelum mereka membuat keputusan sama ada hendak membeli produk atau menggunakan perkhidmatan tersebut. Oleh itu, persepsi tentang risiko adalah perkara yang penting dalam proses pembuatan keputusan untuk melancong (Floyd et al. 2004). Memahami gelagat pelancong dalam membuat keputusan sama ada ingin melancong atau tidak merupakan satu perkara yang penting terutama kepada pembuat dasar dan juga penggiat industri pelancongan dalam merangka strategi dan dasar yang bersesuaian bagi menggalakkan para pelancong meningkatkan aktiviti pelancongan mereka.

Berdasarkan kajian lepas, sungguhpun terdapat kajian berkait dengan niat melancong, namun kajian ini masih signifikan dilakukan kerana masih wujud perbezaan dengan kajian terdahulu. Kajian niat untuk melancong yang ditonjolkan penulis -adalah untuk melihat apakah masih timbul keinginan yang tinggi dalam kalangan penggemar pelancongan walau berada dalam keadaan risiko pandemik COVID-19 yang tinggi (Wen et al. 2020) dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini dijalankan untuk memenuhi jurang yang wujud dalam topik pelancongan dalam keadaan wujudnya risiko keselamatan dengan fokus utama kepada tingkah laku pelancong domestik untuk pergi melancong. Lebih-lebih lagi, kajian berkaitan gelagat

pelancong ketika pandemik COVID-19 di negara sedang membangun khususnya di Malaysia masih lagi terhad. Kajian yang dijalankan tertumpu di negara maju seperti Amerika Syarikat (Han et al. 2020), Sepanyol (Sanchez et al. 2020) dan Hong Kong (Luo & Lam 2020). Berdasarkan Teori Gelagat Terancang (TPB) yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991), yang mana ia merupakan rangka teori yang paling mapan dalam analisa niat tingkah laku (Gollwitzer & Sheeran 2006), kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan persepsi tentang risiko COVID-19 terhadap niat tingkah laku pelancong domestik Malaysia untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik ini. Selain itu, kajian ini juga mengkaji kesan motivasi untuk melancong sebagai pembolehubah moderator kepada struktur hubungkait yang dicadangkan. Secara empiriknya, dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada para pemain industri pelancongan, pembuat dasar dan pihak berkepentingan lain untuk mereka bentuk tindakan yang berkesan bagi membaikpulih sektor pelancongan dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan dalam perkhidmatan pelancongan.

KAJIAN LEPAS

PERSEPSI TENTANG RISIKO

Terdapat sebilangan kajian yang telah dijalankan berkaitan hubungkait antara persepsi tentang risiko pelancong dan gelagat manusia untuk melancong. Kebanyakan kajian lepas menunjukkan bahawa persepsi tentang risiko mempunyai hubungkait yang negatif terhadap gelagat mereka untuk melancong (Sinha & Nair 2020; Khan et al. 2019; Khan & Chelliah 2019; Matiza 2020), keputusan untuk melancong (Bae & Chang 2020), dan kekerapan melancong (Neuberger & Egger 2020). Ini bermaksud, semakin tinggi risiko untuk melakukan aktiviti pelancongan, maka semakin kurang seseorang untuk melakukan aktiviti pelancongan. Walau bagaimanapun, Roehl (1992) menyatakan bahawa persepsi risiko bagi seseorang adalah berbeza dalam mempengaruhi niat untuk melancong. Bagi golongan pengambil risiko semulajadi, mereka cenderung untuk melakukan aktiviti pelancongan walau dalam apa jua keadaan kerana mereka yakin mampu mengawal sesuatu keadaan yang berisiko. Namun, kebanyakan kajian berkaitan hubungan antara persepsi tentang risiko dan gelagat pelancong menunjukkan persepsi tentang risiko merupakan faktor penting yang mempengaruhi keputusan seseorang untuk melancong. Semakin tinggi risiko yang dikaitkan dengan aktiviti pelancongannya maka semakin rendah niat seseorang untuk melancong ke destinasi tersebut contohnya risiko meningkat disebabkan oleh serangan ke atas World Trade Center pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat (Floyd et al. 2004), peristiwa pengeboman di Bali (Hitchcock

& Putra 2005) dan kesan Tsunami di Phuket, Thailand (Ichinosawa 2006). Risiko yang wujud sebelum ini tidak melibatkan pandemik seperti risiko yang dialami sekarang iaitu pandemik COVID-19, maka persepsi risiko ke atas pandemik COVID-19 mungkin lebih tinggi berbanding dengan risiko-risiko yang pernah berlaku sebelum ini.

Risiko yang timbul disebabkan oleh pandemik COVID-19 juga mempengaruhi gelagat dan niat pelancong untuk melancong (Han et al. 2020; Sanchez et al. 2020; Luo & Lam 2020). Han et al. (2020) mengatakan bahawa risiko yang timbul adalah risiko psikologi. Pelancong berasa takut terhadap COVID-19 dan terdapat kegelisahan untuk melancong (Luo & Lam 2020) sehingga terdapat ramai pelancong yang membatalkan perjalanan mereka pada hari yang sama diisytiharkan COVID-19 sebagai suatu pandemik oleh WHO (Ugur & Akbiyik 2020). Menurut kajian oleh Sinha & Nair (2020), pelancong mula menitikberatkan pelbagai aspek dalam membuat keputusan untuk melakukan aktiviti pelancongan. Ini termasuklah aspek kesihatan dan kebersihan di samping faktor risiko yang lain seperti keselamatan dan keamanan Hitchcock dan Putra (2005) dan Floyd et al. (2004), dan faktor lain seperti tujuan melancong (Shamshiripour et al. 2020), jarak dan kekerapan melancong (Abdullah et al. 2020). Oleh itu, satu hipotesis dapat dicadangkan bagi kajian ini, iaitu:

- H₁ Persepsi terhadap risiko COVID-19 mempunyai hubungan yang ketara dengan niat untuk melancong di dalam negara ketika pandemik COVID-19.
- H₂ Persepsi terhadap risiko COVID-19 mempunyai hubungan yang ketara dengan sikap terhadap tingkah laku untuk melancong di dalam negara semasa pandemik COVID-19.

TEORI GELAGAT TERANCANG (TPB)

Teori Gelagat Terancang atau *Theory of Planned Behaviour* (TPB) oleh Ajzen (1985) merupakan teori yang terbukti dalam mengkaji gelagat manusia. Teori ini berasal daripada Teori Tindakan Bersebab atau *Theory of Reasoned Action* (TRA) di mana sikap terhadap sesuatu tingkah laku dan norma subjektif menentukan sesuatu tingkah laku atau gelagat (Fishbein & Ajzen 1975; Ajzen & Fishbein 1980). Kemudian, Ajzen (1985) menambah faktor bukan sukarela (non-volitional), iaitu kawalan tingkah laku yang dirasakan pula ditambah ke dalam kerangka teori ini dalam menentukan niat seseorang dalam melakukan sesuatu tingkah laku.

Sikap merujuk kepada penilaian seseorang individu sama ada suatu tingkah laku atau perbuatan itu positif atau negatif (Ajzen 1985). Menurut Ajzen (1991), sikap yang positif terhadap suatu tingkah laku mempunyai hubungkait yang positif dengan niat untuk melakukan tingkah laku tersebut dan begitu juga sebaliknya.

Kajian oleh Park et al. (2017) mendapati bahawa sikap mempengaruhi niat seseorang untuk melancong ke Jepun.

Norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial daripada individu-individu yang rapat dan dipercayai untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan sesuatu tingkah laku atau perbuatan (Ajzen 1991; Ravis et al. 2009). Ajzen (1991) menyatakan bahawa jika ahli keluarga atau rakan-rakan kepada seseorang individu itu mempunyai sikap yang positif terhadap sesuatu tingkah laku, terdapat kemungkinan besar dia akan berniat untuk melaksanakan tingkah laku tersebut dan juga sebaliknya. Satu kajian lepas di China menunjukkan bahawa norma subjektif mempengaruhi niat seseorang untuk pergi melancong (Ru et al. 2018).

Kawalan tingkah laku yang dirasakan merupakan kepercayaan seseorang individu terhadap tahap kemampuannya untuk melaksanakan suatu tingkah laku atau perbuatan (Ajzen 1991; Hsu & Huang 2012). Ianya merujuk kepada kepercayaan pada diri seseorang sama ada dia mampu untuk mengawal situasi dan menguruskan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan suatu perbuatan dengan jayanya (Bae & Chang 2020). Oleh itu, jika seseorang merasakan bahawa dia mampu untuk mengawal dirinya untuk melaksanakan suatu tingkah laku, bermaksud kawalan tingkah lakunya ialah positif dan ianya mempunyai hubungkait yang positif dengan niatnya untuk melaksanakan tingkah laku tersebut. Para pengkaji dalam bidang pelancongan telah menunjukkan bahawa kawalan tingkah laku merupakan faktor penentu yang tepat terhadap niat untuk melancong (Hsieh et al. 2016; Ashraf et al. 2020; Ru et al. 2018).

Teori ini sering digunakan dalam model psikologi untuk menerangkan dan meramal gelagat manusia (Chaulagain et al. 2020) dan secara meluasnya telah diaplikasikan dan diuji dalam kajian gelagat pengguna barangan atau perkhidmatan. Dalam sektor pelancongan, Teori ini telah digunakan untuk mengkaji niat pelancong untuk melawat destinasi yang mesra alam (Ahmad et al. 2020; Ashraf et al. 2020; Ru et al. 2018), melawat hotel hijau (Eid et al. 2020; Yarimoglu & Gunay 2020), membuat lawatan perubatan ke India (Dash 2020) dan Malaysia (Seow 2017), membuat lawatan makanan (Su et al. 2020), dan melawat taman kebudayaan (Wu & Chen 2018). Leung dan Jiang (2018) pula telah mengkaji kesan laman destinasi pelancongan di Facebook terhadap niat untuk melancong berdasarkan TPB. Namun, Yuzhanin & Fisher (2016) mendapati bahawa TPB tidak mencukupi untuk meramal niat pelancong untuk memilih destinasi pelancongan.

Oleh itu, kebanyakan pengkaji telah mencuba untuk menambahbaik teori ini dengan memasukkan faktor-faktor tambahan ke dalam TPB untuk mendapat ramalan gelagat yang lebih tepat dalam bidang pelancongan seperti jenama destinasi, imej hijau, motivasi pelancongan, dan imej destinasi (Saleem et al. 2020; Ashraf et al. 2020; Yohana et al. 2020;

Wu & Chen 2018). Kebelakangan ini, pembolehubah yang berkaitan dengan risiko telah ditambah untuk mengembangkan kerangka teori TPB. Sebagai contoh, Hsieh et al. (2016) telah mengkaji kesan risiko yang dijangka terhadap niat rakyat Taiwan untuk melancong ke Jepun. Mereka mendapati bahawa risiko yang dijangka mempengaruhi sikap mereka terhadap tingkah laku tersebut dan seterusnya mempengaruhi niat untuk mereka melancong ke Jepun. Penulis juga sependapat dengan pengkaji lain bahawa risiko antara faktor yang dijadikan pertimbangan dalam niat untuk melancong, namun khususnya yang berkait dengan pandemik Covid-19 yang kesan akhirnya boleh membawa kepada kematian.

Dalam era COVID-19 ini juga timbul beberapa kajian baru yang telah dijalankan dengan menggunakan teori yang sama untuk mengkaji kesan risiko pandemik terhadap gelagat untuk melancong. Antaranya ialah kajian oleh Bae & Chang (2020) yang menganalisa niat tingkah laku terhadap 'pelancongan tanpa sentuhan' di Korea Selatan. Selain itu, Han et al. (2020) pula mengkaji tingkah laku untuk memilih destinasi pelancongan yang lebih selamat, dan Li et al. (2020) memfokuskan kajiannya kepada niat untuk melancong ke China pasca pandemik COVID-19. Terdapat jurang kajian tentang kesan risiko pandemik COVID-19 terhadap gelagat pelancong dalam konteks Malaysia. Oleh itu, hipotesis bagi kajian ini ialah:

- H₃ Sikap terhadap tingkah laku mempunyai hubungan yang ketara dengan niat untuk melancong di dalam negara ketika pandemik COVID-19.
- H₄ Norma subjektif mempunyai hubungan yang ketara dengan niat untuk melancong di dalam negara ketika pandemik COVID-19.
- H₅ Kawalan tingkah laku mempunyai hubungan yang ketara dengan niat untuk melancong di dalam negara ketika pandemik COVID-19.

MOTIVASI PELANCONGAN

Dalam konteks pelancongan, motivasi pelancongan adalah merupakan keperluan biologi dan psikologi manusia yang timbul, mengarahkan dan mengintegrasikan tingkah laku dan aktiviti seseorang individu (Park & Yoon 2009; Yoon & Uysal 2005; Dann 1981). Kajian oleh Khan dan Chelliah (2019) menunjukkan bahawa terdapat hubungkait secara langsung antara motivasi pelancongan dan niat untuk melancong. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Yohana et al. (2020) di Yogyakarta, Indonesia. Antara motivasi pelancongan sesebuah destinasi adalah pada aspek ekonomi, persekitaran semulajadi, kebudayaan dan psikologi (Park et al. 2019).

Terdapat sebilangan kajian lepas yang mengkaji peranan motivasi pelancongan sebagai pembolehubah moderator dalam konteks kajian pelancongan dan

mendapati bahawa motivasi pelancongan dapat melemahkan atau menguatkan hubungkait antara pembolehubah-pembolehubah yang berbeza. Sebagai contoh, Nicolau dan Mas (2006) mendapati bahawa motivasi pelancongan melemahkan hubungkait antara jarak dan harga dengan pemilihan destinasi pelancongan. Sebaliknya, motivasi pelancongan berperanan menguatkan hubungkait antara imej destinasi dan pengurusan pelancongan yang baharu dengan niat pelancong untuk melancong (Phillips & Jang 2007; Zhang et al. 2020). Dalam konteks risiko, Khan et al. (2019) mendapati bahawa motivasi pelancongan dapat meningkatkan niat pelancong untuk pergi melancong walaupun persepsi mereka terhadap risiko adalah tinggi. Faktor psikologi yang merupakan dianggap sebagai motivasi pelancongan juga perlu dianalisa untuk lebih memahami reaksi pelancong terhadap risiko (Reisinger & Mavondo 2005). Berdasarkan kajian lepas dan perbincangan di atas, hipotesis bagi kajian ini yang dicadangkan ialah:

- H₆ Motivasi untuk melancong mempunyai pengaruh yang ketara terhadap hubungkait antara persepsi tentang risiko dan niat untuk melancong di dalam negara ketika pandemik COVID-19.

METODOLOGI KAJIAN

REKABENTUK SOAL SELIDIK

Item bagi pembolehubah-pembolehubah kajian telah diadaptasi daripada kajian-kajian lepas untuk membangunkan instrument kajian, iaitu soal selidik. Soal selidik ini mengandungi lima konstruk, iaitu persepsi tentang risiko, sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku, dan motivasi pelancongan. Kesemua konstruk ini telah diukur menggunakan skala Likert daripada skala 1 (sangat setuju) hingga 5 (sangat tidak setuju). Empat item bagi konstruk persepsi tentang risiko, tiga item bagi konstruk sikap, dan empat item bagi konstruk norma subjektif telah diadaptasi daripada Bae dan Chang (2020). Empat item bagi konstruk kawalan tingkah laku dan satu item bagi konstruk sikap pula diadaptasi daripada Han et al. (2020). Bagi konstruk motivasi pelancongan pula, empat item telah diadaptasi daripada Khan et al. (2017).


POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi bagi kajian ini ialah warganegara Malaysia yang berumur 20 tahun dan ke atas. Soal selidik telah diedarkan dengan kaedah pensampelan rawak. Saiz sampel minimum yang telah ditetapkan ialah 205 sampel, berdasarkan cadangan oleh Cohen (1992) untuk mengesan minimum $R^2=0.10$ dan tahap signifikan 1 peratus (Hair et al. 2014). Borang soal selidik telah

diedarkan secara atas talian melalui hebahan di media sosial menggunakan Google Form. Tetapn telah dibuat dalam Google Form untuk menghadkan maklum balas hanya daripada responden yang dikehendaki. Seramai 407 responden telah menjawab borang soal selidik tersebut.

KERANGKA KERJA KAJIAN

Kerangka kerja bagi kajian ini adalah berdasarkan model Teori Gelagat Terancang (TPB) dan dilanjutkan dengan tambahan pembolehubah lain, iaitu persepsi tentang risiko dan motivasi pelancongan. Rajah 2 menunjukkan pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dalam kajian ini.



RAJAH 2. Kerangka kerja kajian

DAPATAN KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Jadual 1 menunjukkan butiran demografik bagi responden. Jumlah responden perempuan (56.7%) melebihi responden lelaki (43.3%) dan hampir 60 peratus responden adalah mereka yang sudah berkahwin. Julat umur yang paling tinggi ialah antara 20 hingga 29 tahun (41.8%), diikuti oleh 30 hingga 39 tahun (27.9%), 50 tahun ke atas (16.4%), dan 40 hingga 49 tahun (13.9%). Bagi pendapatan bulanan pula, hampir separuh daripada jumlah responden berpendapatan melebihi RM4,000. Selain itu, 58.9 peratus daripada responden pernah melancong di dalam negara setelah dibenarkan oleh kerajaan sejak 10 Jun 2020 dengan kekerapan paling

JADUAL 1. Butiran demografik responden (n=409)

		n	%			n	%
Jantina	Lelaki	177	43.3	Pendapatan bulanan	Bawah RM 1,000	67	16.4
	Perempuan	232	56.7		RM 1,000 – 2,000	48	11.7
Umur	20-29	171	41.8	RM 2,001 – 3,000	47	11.5	
	30-39	114	27.9	RM 3,001 – 4,000	63	15.4	
	40-49	57	13.9	> RM 4,001	184	45.0	
	> 50	67	16.4	Pernah melancong sejak 10 Jun 2020	Tidak	168	41.1
	Status	Bujang	159		38.9	Ya	241
Pekerjaan	Berkahwin	250	61.1	Kekerapan melancong sejak 10 Jun 2020	Tidak pernah	161	39.4
	Pelajar	40	9.8		1 kali	97	23.7
	Kakitangan Kerajaan	147	35.9		2 kali	70	17.1
	Kakitangan Swasta	128	31.3		3 kali	44	10.8
	Bekerja Sendiri/ Berniaga	50	12.2		4 kali	10	2.4
	Tidak Bekerja	44	10.8		5 kali dan ke atas	27	6.6

JADUAL 2. Hasil analisa ukuran Analisa Faktor Konfirmatori (CFA)

	Muatan faktor	C.R.	AVE
<i>Sikap</i>		0.868	0.623
Melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 ini adalah satu tindakan yang bagus.	.808		
Melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 ini adalah satu tindakan yang wajar.	.785		
Melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 ini adalah satu perkara yang bermanfaat.	.798		
Melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 ini adalah satu perkara yang menyenangkan.	.765		
<i>Norma subjektif</i>		0.872	0.630
Kebanyakan orang-orang yang penting bagi saya merasakan bahawa tiada masalah jika saya hendak melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19	.747		
Kebanyakan orang-orang yang penting bagi saya menggalakkan saya untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19	.831		
Kebanyakan orang-orang yang penting bagi saya bersetuju dengan tindakan saya pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19	.798		
Orang-orang yang saya percaya dengan pendapat mereka menggalakkan saya untuk melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19	.796		
<i>Kawalan tingkah laku</i>		0.860	0.607
Sama ada saya hendak pergi melancong dalam negara ataupun tidak semasa pandemik COVID-19 adalah seluruhnya terpulung kepada saya	.698		
Saya percaya bahawa saya boleh pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 jika saya mahu	.778		
Saya mampu untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19	.827		
Saya mempunyai sumber yang mencukupi, masa dan peluang untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19	.808		
<i>Niat untuk melancong</i>		0.922	0.749
Saya berniat untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 dalam masa yang terdekat	.847		
Saya sedang merancang untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 dalam masa yang terdekat	.885		
Saya akan usahakan untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 dalam masa yang terdekat	.881		
Saya sanggup untuk meluangkan masa dan membelanjakan duit untuk pergi melancong dalam negara semasa pandemik COVID-19 dalam masa yang terdekat	.847		
<i>Persepsi tentang risiko</i>		0.887	0.663
Terdapat kebarangkalian yang tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19	.852		
Terdapat kebarangkalian yang tinggi jangkitan COVID-19 boleh menyebabkan kematian	.736		
Terdapat kebarangkalian yang tinggi orang awam tidak mematuhi SOP yang telah dikuatkuasakan	.822		
Terdapat kebarangkalian yang tinggi destinasi pilihan tidak terjaga keselamatan dan kebersihannya.	.842		
<i>Motivasi pelancongan</i>		0.957	0.849
Untuk berehat dan menenangkan diri	.943		
Untuk menghiburkan diri	.928		
Untuk mengenal tempat baru dan berbeza	.880		
Untuk melepaskan stress	.933		

Nota: AVE: Varians purata diekstrak; CR: Nilai Kebolehpercayaan Komposit

tinggi iaitu sebanyak 1 kali (23.7%). Terdapat juga 27 responden yang telah melancong sebanyak 5 kali dan ke atas sejak 10 Jun 2020.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN KONSTRUK

Data telah dianalisa menggunakan IBM SPSS 23. Bagi memahami hubungkait antara setiap konstruk dan mengesahkannya, kaedah analisa *confirmatory factor analysis* (CFA) telah dijalankan. Jadual 2 merupakan dapatan analisa model ukuran CFA dan menunjukkan bahawa setiap item bagi setiap konstruk telah mencapai piawai analisis kesahan dan kebolehppercayaan. Nilai muatan faktor, menurut Hair et al. (2016), perlu melebihi 0.708, tetapi nilai antara 0.4 dan 0.7 juga masih boleh diterima jika ianya memenuhi kriteria nilai kebolehppercayaan komposit (CR) dan varians purata diekstrak (AVE). Selain itu, mereka juga mencadangkan bahawa nilai AVE perlu melebihi 0.5 dan CR perlu melebihi 0.8.

PENILAIAN MODEL STRUKTUR

Kemudian, satu kaedah analisa regresi, iaitu analisa jalur atau *path analysis* telah digunakan untuk mengkaji hubungan kausal antara konstruk. Jadual 3 menunjukkan statistik deskriptif bagi setiap konstruk. Berdasarkan Jadual 3, bagi konstruk sikap, norma subjektif, dan niat untuk melancong, nilai purata skornya adalah melebihi 3, di mana ia menunjukkan bahawa secara puratanya, responden bersetuju dengan item-item di dalam konstruk tersebut. Konstruk kawalan tingkah laku dan persepsi tentang risiko pula mempunyai nilai purata skor antara 2 dan 3 yang menunjukkan responden lebih bersifat neutral.

JADUAL 3. Statistik deskriptif pembolehubah

Konstruk	Min	SD
Sikap	3.3484	1.19111
Norma subjektif	3.3820	1.06008
Kawalan tingkah laku	2.5214	1.02929
Niat untuk melancong	3.6375	1.20464
Persepsi tentang risiko	2.0410	0.92305

Nota: SD: Sisihan piawai

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dan Rajah 3, kajian ini telah mengenal pasti hubungan negatif yang ketara di antara persepsi tentang risiko dan sikap terhadap tingkah laku ($\beta = -0.309$, $p < 0.01$), menyokong H_2 , tetapi ia tidak menunjukkan hubungan yang ketara dengan niat untuk melancong, menolak H_1 . Sikap pula menunjukkan hubungan positif yang ketara dengan niat untuk melancong ($\beta = 0.398$, $p < 0.01$). Begitu juga

untuk norma subjektif ($\beta = 0.289$, $p < 0.01$) dan kawalan tingkah laku ($\beta = 0.108$, $p < 0.01$). Oleh itu, H_3 , H_4 , dan H_5 diterima. Analisa pembolehubah moderator juga telah dijalankan untuk melihat kesan motivasi untuk melancong terhadap hubungan antara persepsi tentang risiko dan niat untuk melancong. Keputusannya adalah tidak signifikan, jadi H_6 ditolak.


PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan persepsi tentang risiko terhadap niat pelancong domestik untuk melancong di dalam negara semasa pandemik COVID-19 menggunakan TPB. Teori ini dilanjutkan dengan faktor persepsi tentang risiko COVID-19 dan motivasi pelancongan. Masih tidak banyak kajian empirikal yang dijalankan untuk menilai kesan risiko pandemik COVID-19 terhadap gelagat pelancong domestik di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang kajian ini dengan membuat hubungan antara pelbagai faktor dan niat pelancong domestik untuk melancong semasa pandemik COVID-19.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang risiko tidak mempengaruhi niat untuk melancong secara langsung. Walau bagaimanapun, persepsi tentang risiko mempengaruhi niat untuk melancong secara tidak langsung melalui sikap terhadap tingkah laku. Berdasarkan dapatan kajian, persepsi tentang risiko mempunyai hubungan negatif yang ketara dengan sikap terhadap tingkah laku di mana, sikap terhadap tingkah laku menjadi pembolehubah perantara antara persepsi tentang risiko dan niat untuk melancong semasa pandemik COVID-19. Ia menunjukkan bahawa jika seseorang merasakan bahawa risiko COVID-19 adalah tinggi, maka seseorang pelancong akan melihat sikap terhadap tingkah laku untuk melancong semasa pandemik COVID-19 ini sebagai perkara yang negatif. Seseorang pelancong cenderung memilih untuk bersikap mengelak daripada risiko yang tinggi yang boleh menjejaskan keselamatannya. Ini menunjukkan bahawa sikap seseorang cenderung untuk memilih destinasi pelancongan yang selamat terutama semasa pandemik COVID-19. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Sanchez et al. 2020, Dash 2020; Hsieh et al. 2016; Bae & Chang 2020; Han et al. 2020. Walau bagaimanapun, seseorang pelancong boleh membuat beberapa pilihan keputusan untuk melancong bergantung kepada penilaian risiko yang dilakukan. Seseorang pelancong cenderung untuk mengimbangi antara jangkaan faedah dan kerugian yang akan ditanggung berdasarkan penilaian risiko yang dilakukan olehnya. Motivasi pelancongan dalam kajian ini diuji sebagai pembolehubah pengantara, di mana ia dijangka akan melemahkan atau menguatkan hubungan antara persepsi tentang risiko COVID-19 dan niat untuk melancong. Hasil analisis menunjukkan bahawa

JADUAL 4. Penilaian kesignifikanan dan kerelevanan hubungan dalam model struktur

Hipotesis	Hubungan	β	Nilai-p	Nilai-t	Dapatan
H ₁	Persepsi tentang risiko → Niat untuk melancong	-0.003	0.949	-0.064	Tolak
H ₂	Persepsi tentang risiko → Sikap	-0.309	0.000	-6.560	Terima
H ₃	Sikap → Niat untuk melancong	0.398	0.000	7.737	Terima
H ₄	Norma subjektif → Niat untuk melancong	0.289	0.000	5.537	Terima
H ₅	Kawalan tingkah laku → Niat untuk melancong	0.108	0.009	2.625	Terima
H ₆	Motivasi (moderator) → (Persepsi tentang risiko → Niat untuk melancong)	-0.700	0.071	-1.813	Tolak



RAJAH 3. Hasil analisis

hipotesis ini tidak terbukti kerana hubungan langsung antara persepsi tentang risiko dan niat untuk melancong juga adalah tidak signifikan.

Hasil analisis bagi konstruk utama TPB, iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku menunjukkan wujud hubungan positif yang ketara dengan niat untuk melancong semasa pandemik COVID-19 di kalangan pelancongan tempatan di Malaysia. Hubungan positif di antara sikap terhadap tingkah laku dan niat untuk melancong menunjukkan sikap seseorang yang gemar melancong mempengaruhi secara positif niat seseorang untuk melancong. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Leung (2019), Wu dan Chen (2018) dan Ahmad et al. (2020). Walaupun wujudnya risiko keselamatan ke destinasi pelancongan dan di destinasi pelancongan itu sendiri, pelancong tempatan Malaysia cenderung untuk melakukan aktiviti pelancongan pada tempoh pandemik COVID-19. Bagi konstruk norma subjektif pula, hasil kajian menunjukkan bahawa orang-orang yang rapat dengan pelancong memberi kesan yang positif dalam mempengaruhi niat seseorang untuk melancong. Dapatan ini adalah selari dengan hasil

kajian Juschten et al. (2019), Seow (2017) dan Ru et al. (2018). Galakan, sokongan dan pandangan berkaitan kebaikan melancong semasa pandemik COVID-19 memberi impak positif dalam membuat keputusan untuk melancong. Konstruk ketiga dalam TPB iaitu kawalan tingkah laku juga menunjukkan hubungan yang positif dengan niat untuk melancong. Kawalan tingkah laku di sini bermaksud jika seseorang itu percaya bahawa dia yang mengawal dirinya sendiri untuk melancong semasa pandemik COVID-19, maka niatnya untuk melakukan aktiviti pelancongan semakin tinggi. Keputusan yang dilakukan untuk melakukan aktiviti pelancongan adalah berdasarkan kepada kawalan terhadap diri sendiri pelancong tersebut. Dapatan kajian bagi konstruk ketiga adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Seow (2017), Park et al. (2017) dan Zhu et al. (2019).

Ketiga-tiga konstruk utama TPB ini mempunyai hubungan yang positif dengan niat untuk melancong selari dengan keadaan semasa yang dihadapi oleh pelancong tempatan ketika soal selidik ini diedarkan. Dalam tempoh kajian ini dijalankan, aktiviti pelancongan telah dibenarkan iaitu apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

(PKPP) di Malaysia. Dalam tempoh ini jumlah kes harian jangkitan COVID-19 adalah rendah dengan jumlah kes harian di Malaysia adalah kurang daripada 50 kes setiap hari dalam tempoh PKPP (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Ini menunjukkan bahawa kelonggaran yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada penduduk Malaysia telah dimanfaatkan sebaiknya dengan melakukan aktiviti pelancongan. Jika seseorang pelancong mempunyai keyakinan bahawa mereka mampu mengawal keadaan sepanjang bercuti walaupun dalam suasana pandemik, maka niat mereka untuk melancong akan meningkat. Lebih-lebih lagi, penduduk Malaysia telah berhadapan dengan cabaran PKP yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum itu. Peluang menjalankan aktiviti sosial telah dimanfaatkan sebaiknya oleh pelancong tempatan dalam usaha mengisi masa lapang dan mengurangkan tekanan yang mereka hadapi sepanjang melalui tempoh PKP.

Terdapat beberapa limitasi pada kajian ini, iaitu tempat tinggal responden tidak diketahui, sama ada dari kawasan bandar atau luar bandar. Selain itu, julat umur responden juga tidak seimbang di mana hampir 70 peratus daripadanya adalah berumur antara 20 dan 39 tahun. Hal ini disebabkan oleh edaran soal selidik adalah melalui media sosial. Oleh itu, capaian kepada mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas adalah kurang.

KESIMPULAN

Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada aktiviti ekonomi dan sosial dunia termasuk Malaysia. Antara yang terjejas teruk adalah sektor pelancongan negara akibat daripada penutupan pintu masuk negara bagi ketibaan pelancong antarabangsa. Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi merencanakan semula aktiviti pelancongan negara. Antaranya, kerajaan menyediakan pakej rangsangan ekonomi yang bertujuan membantu sektor pelancongan merencanakan semula aktiviti mereka. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga perlu memahami gelagat pelancong domestik dalam usaha menggalakkan mereka meningkatkan aktiviti pelancongan. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor perlu diambilkira dalam memahami gelagat pelancong domestik ini termasuklah faktor risiko dan juga motivasi untuk melancong ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19. Bagi tujuan ini, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti gelagat pelancong domestik dalam membuat keputusan untuk melancong dalam negara dalam suasana norma baharu. Penekanan diberikan kepada faktor risiko dan motivasi melancong dengan menggunakan Teori Gelagat Terancang. Kajian ini dilakukan dengan mengedarkan soal selidik dalam talian bagi pelancong domestik Malaysia.

Kajian ini telah menunjukkan dapatan bahawa persepsi tentang risiko COVID-19 tidak mempengaruhi

niat pelancong domestik untuk melancong semasa pandemik ini secara langsung. Namun, terdapat hubungan antara persepsi tentang risiko dan sikap terhadap tingkah laku untuk melancong, dan seterusnya mempengaruhi niat pelancong domestik untuk melancong di dalam negara semasa pandemik COVID-19. Selain itu, norma subjektif dan kawalan tingkah laku juga mempengaruhi pelancong domestik untuk melancong. Oleh kerana pandemik COVID-19 merupakan sebuah fenomena yang besar, bukan sahaja di Malaysia, malah bersifat global, kajian ini sangat berharga di mana ia memberi sumbangan kepada literatur berkaitan pelancongan semasa pandemik COVID-19 dan persepsi pelancong terhadap risiko pandemik ini.

Satu cadangan untuk kajian pada masa akan datang ialah menjalankan kajian yang sama dengan mengkhususkan risiko pandemik yang dikaji dan mengkaji hubungkaitnya dengan faktor demografi seperti status kekeluargaan, kawasan tempat tinggal dan tahap pendidikan. Di samping itu, dapatan kajian ini mempunyai implikasi yang praktikal untuk memahami gelagat pelancong berkaitan pandemik COVID-19. Kesimpulannya, agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam sektor pelancongan perlu mengambil kira gelagat pelancong dan persepsi mereka terhadap risiko jangkitan COVID-19 dalam merangka dan membangunkan strategi pelancongan masa hadapan dalam era COVID-19 ini.

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik merakamkan penghargaan kepada pihak Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Inisiatif Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (Kod Projek: EP-2020-071)

RUJUKAN

- Abdullah, M., Dias, C., Muley, D. & Shahin, M. 2020. Exploring the impacts of COVID-19 on travel behavior and mode preferences. *Transportation Research Interdisciplinary Perspectives* 8: 1-13.
- Ahmad, W., Kim, W.G., Anwer, Z. & Zhuang, W. 2020. Schwartz personal values, theory of planned behavior and environmental consciousness: How tourists' visiting intentions towards eco-friendly destinations are shaped? *Journal of Business Research* 110: 228-236.
- Ajzen, I. 1985. From intentions to actions: A theory of planned behavior. In *Action Control* edited by Kuhl J., Beckmann J. Berlin, Heidelberg: Springer.
- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50(2): 179-211.
- Ashraf, M.S., Hou, F., Kim, W.G., Ahmad, W. & Ashraf, R.U. 2020. Modeling tourists' visiting intentions toward ecofriendly destinations: Implications for sustainable tourism operators. *Business Strategy and the Environment* 29(1): 54-71.

- Bae, S.Y. & Chang, P.J. 2020. The effect of coronavirus disease-19 (COVID-19) risk perception on behavioural intention towards 'untact' tourism in South Korea during the first wave of the pandemic (March 2020). *Current Issues in Tourism* 24(7): 1017-1035.
- Chaulagain, S., Wiitala, J. & Fu, X. 2019. The impact of country image and destination image on US tourists' travel intention. *Journal of Destination Marketing and Management* 12: 1-11.
- Cohen, J. 1992. Statistical power analysis. *Current Directions in Psychological Science* 1(3): 98-101.
- Dann, G. M. S. 1981. Tourist motivation an appraisal. *Annals of Tourism Research* 8(2):187-219.
- Dash, A. 2020. Exploring visit intention to India for medical tourism using an extended theory of planned behaviour. *Journal of Hospitality and Tourism Insights* 4(4): 418-436.
- Eid, R., Agag, G. & Shehawy, Y.M. 2020. Understanding guests' intention to visit green hotels. *Journal of Hospitality and Tourism Research* 45(3): 494-258.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. 1975. *Chapter 1. Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Floyd, M.F., Gibson, H., Pennington-Gray, L. & Thapa, B. 2004. The effect of risk perceptions on intentions to travel in the aftermath of september 11, 2001. *Journal of Travel and Tourism Marketing* 15(2-3): 19-38.
- Gollwitzer, P.M. & Sheeran, P. 2006. Implementation intentions and goal achievement: a meta-analysis of effects and processes. *Advances in Experimental Social Psychology* 38: 69-119.
- Gössling, S., Scott, D. & Hall, C. M. 2020. Pandemics, tourism and global change: a rapid assessment of COVID-19. *Journal of Sustainable Tourism* 29(1):1-20.
- Hair, J.F., Sarstedt, M., Hopkins, L. & Kuppelwieser, V. G. 2014. Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): An emerging tool in business research. *European Business Review* 26(2): 106-121.
- Hair, J.F., Hult, G.T.M., Ringle, C. & Sarstedt, M. 2016. *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Thousand Oaks: Sage.
- Han, H., Al-Ansi, A., Chua, B.L., Tariq, B., Radic, A. & Park, S.H. 2020. The post-coronavirus world in the international tourism industry: application of the theory of planned behavior to safer destination choices in the case of US outbound tourism. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17(18): 6485.
- Hegner, S.M., Fenko, A. & Teravest, A. 2017. Using the theory of planned behaviour to understand brand love. *Journal of Product and Brand Management* 26(1): 26-41.
- Hitchcock, M. & Putra, I.N.D. 2005. The Bali bombings: Tourism crisis management and conflict avoidance. *Current Issues in Tourism* 8: 62-76.
- Hsieh, C.M., Park, S.H. & McNally, R. 2016. Application of the extended theory of planned behavior to intention to travel to Japan among Taiwanese Youth: Investigating the moderating effect of past visit experience. *Journal of Travel and Tourism Marketing* 33(5): 717-729.
- Ichinosawa, J. 2006. Reputational disaster in Phuket: The secondary impact of the tsunami on inbound tourism. *Disaster Prevention and Management* 15(1):111-123.
- Juschten, M., Jiricka-Pürerer, A., Unbehaun, W. & Hössinger, R. 2019. The mountains are calling! An extended TPB model for understanding metropolitan residents' intentions to visit nearby alpine destinations in summer. *Tourism Management* 75: 293-306.
- Khan, M.J., Chelliah, S. & Ahmed, S. 2019. Intention to visit India among potential travellers: role of travel motivation, perceived travel risks, and travel constraints. *Tourism and Hospitality Research* 19(3):351-367.
- Khan, M.J., Chelliah, S. & Ahmed, S. 2017. Factors influencing destination image and visit intention among young women travellers: role of travel motivation, perceived risks, and travel constraints. *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 22(11): 1139-1155.
- Kim, J.J. & Hwang, J. 2020. Merging the norm activation model and the theory of planned behavior in the context of drone food delivery services: Does the level of product knowledge really matter? *Journal of Hospitality and Tourism Management* 42: 1-11.
- Lam, T. & Hsu, C.H.C. 2004. Theory of planned behavior: Potential travelers from China. *Journal of Hospitality and Tourism Research* 28(4): 463-482.
- Leung, X.Y. 2019. Do destination Facebook pages increase fan's visit intention? A longitudinal study. *Journal of Hospitality and Tourism Technology* 10(2): 205-218.
- Leung, X.Y. & Jiang, L. 2018. How do destination Facebook pages work? An extended TPB model of fans' visit intention. *Journal of Hospitality and Tourism Technology* 9(3): 397-416.
- Li, J., Nguyen, T.H.H. & Coca-Stefaniak, J. A. 2020. Coronavirus impacts on post-pandemic planned travel behaviours. *Annals of Tourism Research*. <https://doi.org/10.1016/j.annals.2020.102964>
- Luo, J.M. & Lam, C.F. 2020. Travel anxiety, risk attitude and travel intentions towards "travel bubble" destinations in Hong Kong: Effect of the fear of COVID-19. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17(21): 7859.
- Mair, J., Ritchie, B.W. & Walters, G. 2016. Towards a research agenda for post-disaster and post-crisis recovery strategies for tourist destinations: a narrative review. *Current Issues in Tourism* 19(1): 1-26.
- Maslow, A.H. 1943. A theory of human motivation. *Psychological Review* 50(4): 379-396.
- Matiza, T. 2020. Post-COVID-19 crisis travel behaviour: towards mitigating the effects of perceived risk. *Journal of Tourism Futures*. <https://doi.org/10.1108/JTF-04-2020-0063>
- MOTAC. 2019. Pendapatan Pelancongan Meningkatkan Sebanyak +16.9% Kepada Rm21.4 Bilion Pada Suku Pertama 2019. <https://www.tourism.gov.my/media/view/pendapatan-pelancongan-meningkat-sebanyak-16-9-kepada-rm21-4-bilion-pada-suku-pertama-2019> (Diakses pada 18 November 2020)
- MOTAC. 2020. Pembatalan Kempen Melawat Malaysia 2020 (Visit Malaysia 2020) dan penginapan tetamu di premis penginapan pelancongan sepanjang pelaksanaan perintah kawalan pergerakan. <https://www.tourism.gov.my/media/view/pembatalan-kempen-melawat-malaysia-2020-visit-malaysia-2020-dan-penginapan-tetamu-di-premis-penginapan-pelancongan-sepanjang-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan> (Diakses pada 18 November 2020)
- MOTAC. 2020. Ketibaan pelancong asing separuh tahun pertama 2020 catat pertumbuhan negatif 68.2 peratus.

- <https://www.tourism.gov.my/media/view/ketibaan-pelancong-asing-separuh-tahun-pertama-2020-catat-pertumbuhan-negatif-68-2-peratus> (Diakses pada 18 November 2020)
- Neuburger, L. & Egger, R. 2020. Travel risk perception and travel behaviour during the COVID-19 pandemic 2020: a case study of the DACH region. *Current Issues in Tourism* 24(7): 1003-1016.
- Nicolau, J.L. & Más, F.J. 2006. The influence of distance and prices on the choice of tourist destinations: The moderating role of motivations. *Tourism Management* 27(5): 982-996.
- Park, D.B. & Yoon, Y.S. 2009. Segmentation by motivation in rural tourism: A Korean case study. *Tourism Management* 30(1): 99-108.
- Park, S.H., Hsieh, C.M. & Lee, C.K. 2017. Examining Chinese college students' intention to travel to Japan using the extended theory of planned behavior: testing destination image and the mediating role of travel constraints. *Journal of Travel and Tourism Marketing* 34(1): 113-131.
- Park, J., Musa, G., Moghavvemi, S., Thirumoorthi, T., Taha, A.Z., Mohtar, M. & Sarker, M. M. 2019. Travel motivation among cross border tourists: Case study of Langkawi. *Tourism Management Perspectives* 31: 63-71.
- Phillips, W. & Jang, S.S. 2007. Destination image and visit intention: examining the moderating role of motivation. *Tourism Analysis* 12(4): 319-326.
- Reisinger, Y. & Mavondo, F. 2005. Travel anxiety and intentions to travel internationally: implications of travel risk perception. *Journal of Travel Research* 43(3): 212-225
- Ru, X., Wang, S., Chen, Q. & Yan, S. 2018. Exploring the interaction effects of norms and attitudes on green travel intention: an empirical study in eastern China. *Journal of Cleaner Production* 197(1): 1317-1327.
- Saleem, M.A., Li, J. & Afzal, H. 2020. Protect for affinity? The role of destination brand engagement in forming environmentally responsible tourist behaviours. *Journal of Sustainable Tourism* 29(8): 1344-1364.
- Sánchez-Cañizares, S.M., Cabeza-Ramírez, L.J., Muñoz-Fernández, G. & Fuentes-García, F.J. 2020. Impact of the perceived risk from Covid-19 on intention to travel. *Current Issues in Tourism* 24(7): 970-984.
- Seow, A.N., Choong, Y.O., Moorthy, K. & Chan, L.M. 2017. Intention to visit Malaysia for medical tourism using the antecedents of Theory of Planned Behaviour: a predictive model. *International Journal of Tourism Research* 19(3): 383-393.
- Sinha, S. & Nair, B. B. 2020. Impact of COVID-19 on destination choice: an empirical study on sociodemographic determinants of future travel behaviour. *Anatolia* 32(1): 128-131.
- Uğur, N.G. & Akbıyık, A. 2020. Impacts of COVID-19 on global tourism industry: a cross-regional comparison. *Tourism Management Perspectives* 36: 100744
- Wen, J., Kozak, M., Yang, S. & Liu, F. 2020. COVID-19: potential effects on Chinese citizens' lifestyle and travel. *Tourism Review* 76(1): 74-87.
- Wu, R. & Chen, H. 2018. Determinants of travel intention among Asian visitors at the cultural creative parks: perspective from Theory of Planned Behavior. In *Asian Youth Travellers. Perspectives on Asian Tourism* edited by Khoo-Lattimore C., Yang E. Singapore: Springer
- Yarimoglu, E. & Gunay, T. 2020. The extended theory of planned behavior in Turkish customers' intentions to visit green hotels. *Business Strategy and the Environment* 29(3): 1097-1108.
- Yohana, C., Purwana, D. & Daniswara, A.S. 2018. Determinants of travel intention to Yogyakarta: Tertiary students' perspective. *Proceedings of the 31st International Business Information Management Association Conference, IBIMA 2018: Innovation Management and Education Excellence through Vision 2020*.
- Yoon, Y. & Uysal, M. 2005. An examination of the effects of motivation and satisfaction on destination loyalty: A structural model. *Tourism Management* 26(1): 45-56.
- Yousaf, A., Amin, I. & Jose Antonio, C. 2018. Tourists' motivations to travel: A theoretical perspective on the existing literature. *Tourism and Hospitality Management* 24(1): 1-15.
- Yuzhanin, S. & Fisher, D. 2016. The efficacy of the theory of planned behavior for predicting intentions to choose a travel destination: a review. *Tourism Review* 71(2): 135-147.
- Zhang, Y., Li, J., Liu, C.H., Shen, Y. & Li, G. 2020. The effect of novelty on travel intention: the mediating effect of brand equity and travel motivation. *Management Decision* 59(6): 1271-1290.
- Zhu, H., Guan, H., Han, Y. & Li, W. 2019. A study of tourists' holiday rush-hour avoidance travel behavior considering psychographic segmentation. *Sustainability (Switzerland)* 11(13): 3755.
- Riayati Ahmad
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
MALAYSIA.
E-mail: riayati@ukm.edu.my
- Azyulail Azra Samsuddin
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA.
E-mail: azyulail.azra@gmail.com
- Norlida Hanim Mohd Salleh
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA.
E-mail: ida@ukm.edu.my
- Suhaili Alma'amun*
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA.
E-mail: suhaili@ukm.edu.my

* Penulis koresponden